

TARIKH	23 / 04 / 2014	SEKSYEN	BISNES
MUKA SURAT	B5	RUANGAN	

Takaful Malaysia bayar dividen tertinggi

» *Susulan keputusan cemerlang 2013, dividen akhir 40 peratus*

Syarikat Takaful Malaysia Bhd mengumumkan pembayaran dividen tertinggi dalam sejarahnya, bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013.

Dalam kenyataannya, Takaful Malaysia berkata, susulan keputusan cemerlang pada 2013, syarikat itu mencadangkan dividen akhir satu peringkat sebanyak 40 peratus, yang

diluluskan oleh pemegang saham pada mesyuarat agungnya semalam.

"Berdasarkan cadangan dividen akhir itu, jumlah dividen satu peringkat bagi 2013, termasuk dua dividen interim yang dibayar pada tahun itu, menjadikan keseluruhannya 82 peratus.

"Ia diterjemahkan kepada pulangan dividen 6.6 peratus berasaskan harga penutup saham syarikat sebanyak RM12.40 pada 21 April 2014," katanya.

Keuntungan 34 peratus

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2013, keuntungan Takaful Malaysia selepas cukai dan zakat meningkat 34 peratus kepada RM134.4 juta berbanding

RM100.1 juta pada tahun kewangan sebelumnya.

Pengarah Urusan Kumpulannya, Datuk Mohamed Hassan Kamil berkata, tahun ini Takaful Malaysia akan menyambut ulang tahun ke-30.

Syarikat itu akan terus memberi penekanan kepada empat bidang teras iaitu capaian pelanggan, kecekapan operasi, keberkesanan kos dan keyakinan pemegang saham, katanya.

"Matlamat utama Takaful Malaysia ialah mengatasi pasaran dan mewujudkan syarikat yang kukuh dan menjadi pilihan, bukan saja dalam kalangan syarikat takaful, malah kesemua penyedia insurans konvensional," katanya.



“**Syarikat itu akan terus memberi penekanan kepada empat bidang teras iaitu capaian pelanggan, kecekapan operasi, keberkesanan kos dan keyakinan pemegang saham**”

Mohamed Hassan Kamil,
Pengarah Urusan Kumpulan
Syarikat Takaful Malaysia Bhd

BERNAMA